

TR: 9.6.1966

UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI UPACARA MELETAKKAN BATU ASAS
DEWAN KOLEJ ISLAM MALAYA,
PETALING JAYA PADA 26 JUN, 1966.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri-menteri,
Tuan-tuan Yang Terutama, Tuan Pengetua Kolej Islam¹, Tuan-
tuan dan Puan sekalian;

Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan Jawatankuasa Pentadbir Kolej Islam ini kerana telah sudi menjemput saya hadir di Upacara Meletakkan Batu Asas Dewan Kolej Islam ini. Saya menerima jemputan ini dengan perasaan penuh kegembiraan dan besar hati disebabkan Kolej Islam ini adalah satu pusat pelajaran tinggi yang sangat penting dan mustahak.

Semenjak Kerajaan Perikatan memegang kuasa mentadbirkan Semenanjung Tanah Melayu pada tahun 1955, Kerajaan Perikatan telah mengambil perhatian yang berat kepada pelajaran Agama Islam di negara kita ini. Dengan sebab itu di dalam Dasar Pelajaran Kebangsaan kita, Pelajaran Agama Islam telah diberi tempat yang sempurna iaitu Pelajaran Agama Islam hendaklah diajar kepada murid-murid Islam dari peringkat sekolah rendah hingga ke peringkat menengah. Begitu juga kepada peringkat tinggi. Dengan sebab itu langkah yang telah diambil oleh Kerajaan pada masa itu ialah hendak memberi tempat yang sempurna kepada Kolej Islam ini dalam pelajaran tinggi kebangsaan kita dan Kolej ini dijadikan satu badan di dalam Universiti Kebangsaan di Tanah Melayu. Saya sangat sukacita semenjak masa itu berbagai perubahan dan kemajuan telah dicapai oleh Kolej Islam ini dan saya sukaiah mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan tahniah kepada semua mereka yang berkaitan dengan Kolej ini, kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Pentadbir, dan juga kepada Pengetua dan Guru-guru, yang telah mengambil bahagian yang penting dalam lapangan ini. Pembinaan sebuah Dewan yang besar untuk Kolej ini adalah satu langkah yang amat besar ertinya kepada kemajuan dan perkembangan Kolej ini.

Tuan-tuan dan puan-puan, sukaiah saya mengambil peluang ini, bagi pihak Kerajaan Malaysia dan rakyat negara ini seluruhnya, mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada Baginda Raja Faisal iaitu Raja Saudi Arabia yang telah bermurah hati men-derma sebanyak \$170,000/- untuk membantu kita membina sebuah dewan Kolej ini yang memakan belanja lebih kurang \$200,000/-. Susah saya hendak mencari perkataan-perkataan untuk menggambarkan perasaan sukacita kita sekalian di atas bantuan tersebut dan saya berharap dan percaya bahawa Tuan Yang Terutama Duta Besar Saudi Arabia yang ada bersama-sama dengan kita pada hari ini akan dapat menterjemahkan dan menggambarkan penghargaan kita kepada Baginda Raja Faisal di atas kemurahan hati Baginda mengurniakan derma yang begitu banyak untuk satu pusat yang kita sangat hargakan.

Lapangan perkembangan Agama Islam di negara kita ini, Negeri-negeri Islam di Timur Tengah seperti Republik Arab Bersatu, Kuwait dan negeri-negeri Islam lain, adalah sentiasa tampil ke hadapan untuk memberi bantuan dan pertolongan serta nasihat kepada kita. Begitu juga di dalam perkembangan dan kemajuan Kolej Islam ini, Negara Republik Arab Bersatu yang sekarang ini Baginda Raja Faisal telah memberi pertolongan kepada kita. Kita di Malaysia, sebagai negara yang telah menjadikan Agama Islam sebagai Agama Rasmi adalah mempunyai perhubungan yang rapat dalam lapangan agama dan kebudayaan dengan Negara-negara Islam di Timur Tengah dan di Saudi Arabia tiap-tiap tahun beribu-ribu rakyat negeri ini pergi menunaikan Fardu Haji di Mekah. Dengan sebab itu perhubungan kita dengan Saudi Arabia dan Negara-negara Islam yang lain, Negara Republik Arab Bersatu, Kuwait dan lain-lain, adalah sentiasa rapat dan ikhlas.

Saya suka juga melahirkan perasaan terima kasih kita kepada mereka-mereka yang telah memberi bantuan semenjak Kolej ini mula ditubuhkan hinggalah kepada masa sekarang ini. Dengan bantuan-bantuan dan pertolongan ini dapat Kolej ini dimajukan dengan pesatnya sehingga pada keadaan yang ada pada hari ini. Kita berharap kerjasama yang rapat dan baik di antara kita dengan Negara-negara Islam di Timur Tengah itu dapat diperkuatkan lagi supaya kita dapat mengadakan kerjasama yang baik dalam lapangan meninggikan taraf mutu agama kita dan memperkembangkan agama kita yang dikasihi itu. Saya yakin dan percaya, dengan adanya

semangat keislaman itu maka hubungan antara Malaysia dengan Negara-negara Timur Tengah akan sentiasa rapat dan mesra dan kerjasama yang baik dapat dicapai dalam lapangan agama, pelajaran dan juga kebudayaan.

Saya sangat sukacita, semenjak Kerajaan Perikatan berkuasa di negara kita ini, banyak kemajuan-kemajuan yang telah dicapai di dalam lapangan agama. Beberapa banyak Masjid, surau-surau telah dapat dibina di seluruh tempat di negara kita ini. Begitu juga beberapa banyak Sekolah-sekolah Agama telah dibina. Saya berharap dengan penubuhan dan kemajuan yang telah dicapai oleh Kolej Islam ini maka dapatlah pelajaran berkenaan dengan Agama Islam itu diatur dan diperbaiki lagi menurut cara-cara yang dijalankan di Negara-negara Islam yang telah masyhur. Saya berharap Sekolah-sekolah Agama yang ada di serata tempat di negara kita ini akan dapat diperbaiki lagi bukan sahaja bangunan sekolah-sekolah bahkan mata pelajaran dan juga kedudukan guru-gurunya. Saya sendiri faham bahawa soal agama adalah di bawah kuasa Duli Yang Maha Mulia Raja-raja dan juga di bawah kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri, akan tetapi saya berharap supaya satu cara dapat dipersetujukan supaya perjalanan Sekolah-sekolah Agama itu dapat diatur dan disatukan untuk kepentingan dan faedah umat Islam di negara kita ini.

Seperti tuan-tuan dan puan-puan maklum bahawa adalah tujuan Kerajaan Pusat hendak menjadikan Kolej Islam ini antara lain-lain pusat pengajian tinggi dan saya telah diberi tahu, Kementerian Pelajaran dan pihak Kolej ini sedang menyusun semula pentadbiran dan sukatan pelajaran Kolej ini supaya Kolej ini dapat sebenar-benarnya merupakan sebuah pusat pengajian tinggi di negara kita ini. Akan tetapi sambil langkah-langkah itu dijalankan, mustahaklah kita membuat susunan yang diperlukan untuk menjalankan asas bagi sebuah pusat pengajian tinggi iaitu sekolah-sekolah di peringkat menengah dan juga peringkat rendah hendaklah diperbaiki dan diatur mata pelajarannya dan diberi kedudukan yang sempurna. Tuan-tuan dan puan-puan, adakah menjadi dasar Pelajaran Kebangsaan kita, Kerajaan adalah berkehendakkan, seperti saya katakan tadi, Pelajaran Agama Islam menjadi satu pelajaran yang mempunyai tempat yang sempurna dan kita adalah berkehendakkan ramai orang-orang yang mendapat kelulusan-kelulusan tinggi dalam lapangan agama, seperti juga dalam lapangan-lapangan lain,

supaya dengan itu pegawai-pegawai dan juga orang-orang yang menjalankan usaha dalam lapangan memperkembang dan meninggikan mutu Agama Islam itu mempunyai taraf yang sempurna seperti pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja dalam lapangan-lapangan yang lain.

Saya suka menegaskan di sini bahawa Malaysia ini adalah sebuah negara yang penduduk-penduduknya terdiri daripada berbagai-bagai bangsa dan berbagai-bagai agama. Sungguhpun Agama Islam telah diterima sebagai Agama Rasmi, tetapi kita adalah membebaskan perjalanan agama-agama yang lain itu. Begitu juga dengan Bahasa Kebangsaan, sungguhpun kita telah menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan, tetapi kita tidaklah menyekat penggunaan dan perkembangan bahasa-bahasa lain. Dengan sebab itu mustahaklah di dalam Universiti Kebangsaan kita, kita mempunyai bahagian-bahagian dalam semua lapangan perusahaan di negara kita ini dan dalam semua lapangan yang boleh memberi kemajuan kepada semua puak-puak dan keturunan yang ada di negara kita ini. Oleh itu jikalau segala corak pelajaran di negara kita ini dapat disalurkan dari satu saluran kebangsaan yang menuju kepada Universiti Kebangsaan kita maka inilah satu langkah yang penting untuk menyatukan penduduk-penduduk negara ini daripada berbagai bangsa dan keturunan itu.

Seperti saya katakan tadi, cita-cita dan keazaman Kerajaan Perikatan terhadap Kolej Islam ini adalah terang dan nyata. Dan saya berharap dengan kerjasama daripada Kementerian Pelajaran kepada Kolej ini dan Kerajaan-kerajaan Negeri, dapatlah tujuan kita hendak menjadikan Kolej ini sebagai pusat pengajian tinggi Islam akan dapat dilaksanakan dengan licin dan sempurna.

Berhubung dengan usaha kita hendak memperbaiki Kolej ini, maka baru-baru ini pula satu persetujuan telah dicapai antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri supaya Kementerian Pelajaran mengambil alih sebuah sekolah agama rakyat yang terkemuka di tiap-tiap negeri dan sekolah-sekolah itu diberi bantuan penuh seperti sekolah-sekolah menengah bantuan Kerajaan biasa. Langkah ini ialah bersesuaian dengan usaha Kerajaan kita hendak meninggikan lagi taraf Kolej Islam dengan murid-muridnya yang mempunyai kelayakan yang tertentu sekurang-kurangnya mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia, dari sekolah-sekolah tersebut.

Dengan adanya pengambilan sekolah-sekolah Agama Rakyat sebuah, bagi tiap-tiap negeri itu tadi, maka kita dapat menjamin murid-murid yang memasuki Kolej ini mempunyai kelayakan-kelayakan yang tertentu, selain daripada pelajaran Islam, supaya apabila mereka keluar dari Kolej Islam ini nanti, maka mereka dapat berkhidmatan dalam lapangan pentadbiran negara kita dan bukan hanya dalam Jabatan Agama sahaja.

Dengan adanya rancangan ini maka bermaknalah murid-murid yang memasuki Kolej Islam ini nanti mempelajari taraf pelajaran di peringkat "H.S.C." dan selepas itu mereka bolehlah meneruskan pelajaran mereka ke fakulti-fakulti agama, sastera dan lain-lain lagi yang kita harap dapat disediakan di sini. Inilah hasrat Kerajaan kita yang sebenarnya dan saya percaya, dengan adanya kerjasama dari semua pihak maka kita boleh menjadikan Kolej Islam ini sebagai sebuah pusat pengajian tertinggi Islam yang pelajar-pelajarnya dapat memberikan sumbangan mereka kepada negara ini dalam berbagai-bagai lapangan. Sebagai sebuah negara yang muda maka kita memerlukan banyak tenaga dan cerdik pandai untuk berkhidmat dalam berbagai-bagai lapangan supaya Malaysia di masa hadapan dapat memberi peluang kepada tiap-tiap orang rakyatnya. Sebagai sebuah negara yang sedang maju, maka saya berani mengatakan bahawa Malaysia memang mempunyai tempat yang cukup bagi tiap-tiap orang warganegaranya yang mempunyai ilmu yang cukup dalam lapangan ekonomik, politik dan sosial.

Akhirnya sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah dan sedang memberikan sumbangan mereka, walau bagaimanapun kecil sekalipun, yang bertujuan untuk memajukan Kolej ini. Saya percaya pihak yang berkuasa Kolej ini telah menempuh dan mengalami berbagai-bagai kesusahan serta kerumitan semenjak Kolej ini ditubuhkan dulu hinggalah ianya mempunyai bangunannya sendiri di Petaling Jaya ini. Segala tenaga dan titik peluh yang disumbangkan itu tidaklah dapat kita bayar dengan wang ringgit, tetapi hanya Tuhan sahajalah yang dapat membalasnya.

¹ Tan Sri Prof. Abdul Jalil bin Hassan